

Analisis Keberkesanan Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP untuk Meningkatkan Kemahiran Menulis Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes

Vijayaletchumy Subramaniam^{1*}, Richard Ignacy², dan Mohamed Thariq Hameed Sultan³

¹Department of Malay Language, Faculty of Modern Languages and Communication, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

²Department of Malay Language Studies, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Bahasa Melayu, 59990 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia

³Department of Aerospace Engineering, Faculty of Engineering, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Permasalahan pelajar dalam penulisan karangan sering dikaitkan dengan kelemahan mengolah ayat secara berkesan. Pengolahan ayat memerlukan pemahaman dan penguasaan penggunaan penanda wacana yang sesuai, pertautan ayat yang relevan, variasi bahasa, dan frasa menarik serta memastikan tiada kesalahan ejaan, tatabahasa, dan tanda baca. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti permasalahan pelajar dalam penulisan karangan dari aspek bahasa, pemerenggan, dan kohesi di samping menilai keberkesanan penggunaan Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP dalam penulisan karangan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif melalui analisis dokumen, temu bual tidak berstruktur, soal selidik berstruktur, dan kajian kuasi eksperimen. Analisis dokumen melibatkan penilaian terhadap karangan pelajar untuk mengenal pasti kesalahan bahasa dan kelemahan dalam pemerenggan serta kohesi. Temu bual tidak berstruktur dengan guru Bahasa Melayu memberikan pandangan mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam penulisan karangan. Soal selidik berstruktur mengumpul data daripada pelajar mengenai pengalaman mereka menggunakan LK UMIBaKaP. Kajian kuasi

eksperimen melibatkan perbandingan prestasi pelajar yang menggunakan LK UMIBaKaP dengan yang menggunakan kaedah tradisional. Hasil kajian menunjukkan peningkatan hampir 100 % dalam penggunaan LK UMIBaKaP berbanding kaedah tradisional dalam penulisan karangan untuk setiap perenggan. Pelajar yang menggunakan LK UMIBaKaP menunjukkan penguasaan yang lebih baik dalam penggunaan

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 08 September 2025

Accepted: 14 October 2025

Published: 30 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.6.16>

E-mail addresses:

vletchumy@upm.edu.my (Vijayaletchumy Subramaniam)

richard@ipgkbm.edu.my (Richard Ignacy)

thariq@upm.edu.my (Mohamed Thariq Hameed Sultan)

* Corresponding author

penanda wacana, pertautan ayat, dan variasi bahasa serta mengurangkan kesalahan ejaan, tatabahasa, dan tanda baca. LK UMIBaKaP terbukti sebagai satu alternatif terbaik untuk membimbing pelajar menghasilkan karangan yang cemerlang dan matang. Kajian ini mencadangkan penggunaan LK UMIBaKaP secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi meningkatkan kemahiran penulisan pelajar pada peringkat SPM.

Kata kunci: LK UMIBaKaP, penanda wacana, pertautan ayat

ABSTRACT

Students' writing issues are often associated with their weakness in structuring sentences effectively. Sentence structuring requires understanding and mastery of appropriate discourse markers, relevant sentence connections, language variation, and engaging phrases, and also ensuring there are no spelling, grammar, or punctuation errors. The focus of this study is to identify the problems students encounter in essay writing from the aspects of language, paragraphing, and cohesion, alongside assessing the effectiveness of using the UMIBaKaP Worksheet (LK) in essay writing at the Malaysian Certificate of Education (SPM) level. This study employs a combination of qualitative and quantitative methods through document analysis, unstructured interviews, structured questionnaires, and quasi-experimental studies. Document analysis involves evaluating students' essays to identify language errors and weaknesses in paragraphing and cohesion. Unstructured interviews with Malay language teachers provide insights into the issues faced by students in essay writing. Structured questionnaires gather data from students regarding their experiences using the UMIBaKaP Worksheet. The quasi-experimental study compares the performance of students using the UMIBaKaP Worksheet with those using traditional methods. The results show almost a 100% improvement in the use of the UMIBaKaP Worksheet compared to traditional methods in essay writing for each paragraph. Students using the UMIBaKaP Worksheet demonstrated better mastery of discourse markers, sentence connections, and language variation, while also reducing spelling, grammar, and punctuation errors. The UMIBaKaP Worksheet has proven to be an excellent alternative for guiding students to produce outstanding and mature essays. This study recommends the widespread use of the UMIBaKaP Worksheet in the teaching and learning of the Malay language to enhance students' writing skills at the SPM level.

Keywords: Cohesions, discourse markers, LK UMIBaKaP

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5 menyatakan dengan jelas bahawa kemahiran menulis merujuk kemampuan pelajar untuk

menulis kata-kata dan meluahkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan yang berhubung kait dengan sesuatu ilmu atau pengalaman peribadi yang pernah dialami.

Menurut Magesvaran et al. (2021) aspek bahasa seperti kegramatisan dalam ayat, tanda baca, ejaan, tulisan yang jelas

dan kemas diberikan penekanan yang tinggi. Hal ini turut dipersetujui oleh Mayasari et al. (2019) dan Fauzi et al. (2019) bahawa, kemahiran berbahasa pelajar dapat ditingkatkan seandainya pelajar dapat menyesuaikan idea dan memiliki proses pengembangan ayat yang baik.

Oleh itu, pelajar hendaklah sedar bahawa aspek kegramatisan ayat, tanda baca, ejaan, dan tulisan yang jelas amat penting dalam penulisan karangan memandangkan kesemua aspek ini boleh mempengaruhi markah pelajar secara keseluruhan. Aspek pemarkahan dalam penulisan karangan termasuklah isi, bahasa dan kematangan (Subramaniam et al., 2023).

Sehubungan dengan itu, objektif kemahiran menulis bahasa Melayu dalam kemahiran menulis mengutamakan tiga perkara berikut iaitu; (i) menulis untuk meramal sesuatu perkara, melengkapkan maklumat dan menjawab pelbagai soalan dengan menggunakan ayat yang gramatis; (ii) menulis untuk membina kerangka karangan dan karangan lengkap secara terancang dan (iii) menulis untuk mengolah maklumat daripada pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

Seiring dengan matlamat makalah ini, pemilihan Standard Kandungan (SK 3.4) yakni, menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018) difikirkan amatlah relevan dalam mengetengahkan proses penulisan karangan yang sistematik, cemerlang dan menarik. Dalam konteks perbincangan penulisan

yang terancang, sesebuah karangan yang berkualiti dan cemerlang hendaklah diutamakan oleh setiap pelajar (Che Man et al., 2023; Clerehan & Moodie, 1997; Jusoh et al., 2023; Yaacob, 2017).

Selain itu, pengajaran kemahiran menulis berbantuan alat bantu mengajar juga akan meningkatkan kualiti karangan dalam subjek Bahasa Melayu (Raman et al., 2023). Di samping itu, pendedahan pelajar kepada teknik baharu, penghasilan modul karangan yang efektif, konsep penulisan yang menarik dan kaedah penulisan yang berkesan amatlah penting dalam memastikan pelajar tidak mengalami kesukaran untuk menulis karangan (Lydia & Jamaludin, 2022; Sanosi & Mahamod, 2021; Yune et al., 2022).

Penghasilan karangan yang kohesi bergantung pada strategi guru dalam memastikan pelajar menggunakan penanda wacana yang efektif dalam setiap ayat. Dalam usaha menghasilkan karangan pada tahap cemerlang, penggunaan penanda wacana amatlah penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan penanda wacana yang sesuai hendaklah diketahui dan cara pengaplikasiannya oleh setiap pelajar baik di sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Maka, setiap ayat yang ditulis hendaklah mempunyai pertautan yang baik dan seimbang dalam perenggan-perenggan yang berikutnya (Alias, 2019; Marliana et al., 2023). Realitinya, tidak dapat dinafikan bahawa, penyampaian idea melalui tulisan mahupun secara lisan haruslah mempunyai kesinambungan yang baik antara satu idea

dengan satu idea yang lain (Nawawi & Ting, 2022).

Dalam konteks ini, penggunaan penanda wacana yang efektif dapat memberikan pemahaman yang jelas terhadap idea atau isu yang hendak disampaikan (Sanosi & Mahamod, 2021; Yusuff & Awang, 2012). Kebanyakan kajian sebelum ini banyak memfokuskan aspek penulisan karangan berlandaskan sesuatu teknik, bahan bantu mengajar berasaskan teknologi dan pelbagai lagi cara lain untuk memperbaiki mutu penulisan dalam kalangan pelajar sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Namun begitu, permasalahan pelajar dalam aspek penulisan masih timbul walaupun pelbagai pendekatan dan strategi digunakan oleh guru di sekolah. Bagi mengisi kelompangan kajian sebelum ini, maka, makalah ini memberikan tumpuan terhadap penghasilan karangan yang menepati ciri-ciri pentaksiran yang sebenar dalam SPM yakni, menghasilkan rangka karangan sebelum proses menulis, mendapatkan idea-idea yang relevan, menggunakan penanda wacana yang sesuai untuk menunjukkan pertautan ayat yang koheren dan kohesi, tidak melakukan kesalahan bahasa seperti ejaan dan tatabahasa serta penyampaian karangan yang menarik.

Kesemua elemen ini dapat direalisasikan melalui Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP yang diperkenalkan sebagai satu cadangan dan alternatif kepada pelajar sebagai cara memenuhi kriteria penulisan yang cemerlang dan matang. Penyediaan pelajar dalam penulisan karangan yang berkualiti tinggi perlu diasah dari akar umbi lagi

agar dapat mempersiapkan pelajar ke arah pasaran kerjaya yang luas dalam bidang yang mementingkan aspek penulisan seperti perguruan, penerbitan, kewartananan, penterjemahan mahupun sebagai karyawan.

Pernyataan Masalah

Dalam usaha menempuh alam pekerjaan pada masa hadapan, setiap pelajar dituntut agar mempunyai daya saing yang tinggi di pentas dunia. Sejajar dengan itu, pemerksaan aspek kemahiran menulis khususnya diberikan penekanan yang serius seperti yang termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, kegagalan pelajar untuk mencapai gred kepujian dalam subjek Bahasa Melayu peringkat SPM masih menjadi kebimbangan pelbagai pihak (Ignacy & Subramaniam, 2024).

Laporan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia antara tahun 2020 hingga 2022 bahawa, permasalahan pelajar dalam penulisan karangan termasuklah dari aspek pengolahan ayat, penyampaian idea yang kurang relevan dan penguasaan bahasa yang kurang baik (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2020, 2021 & 2022). Selain itu, data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bahawa, hampir 80,000 ribu pelajar gagal dalam subjek Bahasa Melayu turut memberikan kesan negatif terhadap pendidikan nasional. Hal tersebut dapat ditunjukkan berdasarkan Jadual .

Perubahan format KSSM Bahasa Melayu mulai tahun 2021 telah menetapkan aspek penulisan yang dikemukakan dalam

Jadual 1
Bilangan calon gagal dalam Subjek Bahasa Melayu SPM

Tahun	Jumlah Calon SPM	Peratusan Gagal	Jumlah Calon SPM Gagal
2019	388, 532	5.9%	22, 535
2020	381, 129	6.1%	23, 249
2021	372, 499	3.2%	11,920
2022	370,837	2.6%	9,642
2023	372, 257	2.5%	9,306
		Jumlah	76,652

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2023-2019

Kertas 1 (Bahagian B) Bahasa Melayu SPM diperuntukkan 70 markah. Bahagian karangan ini merupakan cabaran besar kepada kebanyakan pelajar kerana perlu menghasilkan karangan dalam lingkungan 350 hingga 500 patah perkataan. Menurut laporan yang dikemukakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) pada tahun 2021 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu SPM, secara keseluruhannya pelajar dapat menjawab tugas dengan baik dan tiada masalah besar kepada kumpulan pelajar berprestasi tinggi.

Namun begitu, laporan LPM tersebut menegaskan bahawa kumpulan pelajar berprestasi sederhana masih dapat menjawab tugas, tetapi mempunyai masalah dari aspek bahasa khususnya aspek keindahan bahasa dan ungkapan yang kurang berkesan. Kebanyakan kelompok pelajar ini sukar menyelitkan unsur keindahan bahasa seperti peribahasa akibat kurang membaca dan kurang mahir menyesuaikan ungkapan menarik mengikut konteks tajuk dan tugas karangan (Ali et al., 2021).

Kepincangan pelajar dalam aspek penulisan dapat dilihat dari tiga perspektif iaitu, bahagian isi, bahasa dan tulisan

(Abdullah et al, 2016; Raman et al, 2023). Pelbagai kelemahan pelajar masih dikenal pasti dalam penulisan karangan. Antaranya, (i) pendahuluan yang kurang menarik dan tidak menjawab kehendak soalan; (ii) idea kurang/tidak tepat; (iii) kelemahan pengolahan ayat (tiada kesinambungan ayat, tiada penggunaan penanda wacana, ketiadaan isi sampingan, tiada pertautan ayat); (iv) masalah aspek bahasa (kesalahan ejaan, tanda baca, pemilihan perkataan yang tidak tepat, ayat tidak gramatis, kesalahan tatabahasa umum (Abdullah et al., 2016; Ali et al., 2021; Ignacy & Subramaniam, 2022, 2024; Kihob & Mahali, 2020;).

Implikasinya, pelajar mengalami permasalahan seperti cara hendak memulakan proses penulisan karangan dek kekurangan pendedahan aspek penanda wacana dan sukar membuat kesinambungan ayat. Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar dilihat amat berkesan apabila diselarikan dalam proses PdPc guru di bilik darjah untuk membentuk situasi pembelajaran yang menarik minat dalam kalangan pelajar (Mohd Ali & Mahamod, 2019).

Guru sebagai pemudah cara hendaklah kreatif dan membangunkan bahan bantu

mengajar yang sesuai mengikut tahap pemahaman pelajar. Misalnya, penggunaan peta pemikiran *i-Think* dapat meningkatkan penguasaan penulisan esei dalam kalangan pelajar tingkatan enam (Akup & Othman, 2017). Penggunaan rangka karangan dan peta minda melalui kajian Abd. Nasir dan Abdul Halim (2023) didapati hanya efektif diguna pakai terhadap pelajar yang mahir dalam penulisan dan memiliki pengetahuan umum yang afdal.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Che Ibrahim et al. (2021) berjudul “Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21”, didapati bahawa majoriti pelajar berpendapat bahawa penggunaan bahan bantu mengajar meningkatkan pemahaman mereka terhadap topik yang disampaikan oleh guru. Dalam kajian ini pula, pengkaji mengetengahkan bahan bantu mengajar melalui Kod QR (Fail QR KFC RIMaNa PAPK) yang menyediakan koleksi ungkapan menarik untuk diakses dan disesuaikan dalam karangan mengikut kehendak tajuk dan tugas.

Untuk memudahkan pelajar menulis karangan secara terancang, Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP dilihat sebagai satu alternatif kepada pelajar untuk menyesuaikan bahan bantu mengajar yang berbentuk kod QR tersebut dalam menghasilkan penulisan karangan secara koheren dan kohesi. LK UMIBaKaP pula disediakan dalam bentuk jadual dengan cadangan penanda wacana yang sesuai mengikut bahagian pendahuluan, huraian isi dan penutup berpandukan kaedah baharu dalam

penulisan iaitu kaedah UMIBaKaP (Ignacy & Subramaniam, 2022; Subramaniam et al., 2023).

Pengesyoran LK UMIBaKaP dilihat sebagai salah satu usaha untuk membantu pelajar mencapai gred markah yang cemerlang (65 hingga 70 markah) dalam kertas 1 (1103/1), karangan bahagian B, yang menetapkan skema pemarkahannya seperti berikut; (i) karangan menjawab tugas; (ii) idea amatlah relevan dan mengikut kehendak tugas; (iii) huraian yang ditulis amatlah jelas dan matang selari dengan contoh yang sesuai; (iv) penggunaan bahasa yang gramatis (aspek istilah, kosa kata yang luas dan tepat, bahasa bervariasi, laras bahasa yang sesuai, ejaan dan tanda baca yang betul selain gaya bahasa yang menarik); (v) Pengolahan ayat sangat menarik dan berkesan (aspek pemerenggan, wacana lengkap, kesinambungan idea yang jelas antara perenggan, laras bahasa sesuai dan mengikut tugas).

Kaedah UMIBaKaP diperkenalkan sebagai satu teknik penulisan baharu untuk menghasilkan karangan cemerlang dan matang. Kaedah UMIBaKaP dapat dijadikan sebagai alternatif sebagai teknik baharu dalam penulisan untuk menghasilkan kualiti yang baik dalam penulisan karangan. Kaedah UMIBaKaP juga dapat melatih pelajar untuk memilih penanda wacana, frasa menarik dan menerapkan elemen KBAT untuk menghasilkan pertautan ayat yang relevan mengikut kehendak tajuk dan tugas. Hasilnya, pelajar dapat menghasilkan satu karangan yang lengkap, seimbang dan berkesan kerana hanya perlu

mengaplikasikan satu kaedah yang sama dalam keseluruhan perenggan karangan.

Objektif Kajian

Kajian ini menetapkan objektif seperti yang berikut:

- (i) menganalisis aspek kesalahan bahasa berdasarkan hasil karangan pelajar dalam praujian pelajar tingkatan empat.
- (ii) menganalisis keberkesanan LK UMIBaKaP dalam usaha meningkatkan aspek penulisan karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan empat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang merupakan pendekatan campuran atau *mix method*. Kajian yang dijalankan mencakupi kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui teknik analisis dokumen, temu bual dalam bentuk soal selidik berstruktur dan kajian kuasi eksperimental. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Seraya, Ampang, Selangor, melibatkan 65 orang pelajar tingkatan empat (berumur 16 tahun).

Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar aras sederhana, yang dipilih kerana mereka mempunyai potensi besar untuk mencapai prestasi yang baik tetapi memerlukan bimbingan untuk mengelakkan kegagalan akademik. Sampel kajian ini dipilih berlandaskan pencapaian mereka dalam ujian akhir tahun tingkatan tiga dan kedudukan kelas mengikut ketetapan pihak sekolah.

Pemilihan sampel ini didasarkan pada pemerhatian dan temu bual dengan dua orang guru subjek Bahasa Melayu. Beberapa soalan temu bual berbentuk tidak berstruktur diketengahkan kepada guru seperti latar belakang, tempoh perkhidmatan, PdP Bahasa Melayu yang memfokuskan kemahiran menulis pelajar, permasalahan yang timbul dalam kalangan pelajar dalam penulisan karangan dan strategi guru mengatasi permasalahan tersebut.

Prosedur Kajian

Pada permulaan kajian, pelajar-pelajar diminta untuk menghasilkan satu perenggan karangan (praujian) masa 25 minit sama ada menulis satu perenggan pendahuluan, huraian isi atau kesimpulan berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan dalam. Hasil karangan pelajar dianalisis dari aspek bahasa, pemerenggan dan kohesi. Soalan praujian disusun berdasarkan spesifikasi dalam DSKP Bahasa Melayu tingkatan empat, dengan tema karangan perbincangan (respons terbuka) yang sering dikemukakan dalam peperiksaan SPM.

Berdasarkan Rajah 1, soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dalam DSKP Bahasa Melayu tingkatan empat. Karangan Bahagian B Domain Awam dan Pendidikan menjadi tema utama pembinaan item soalan tersebut. Item soalan dibina berdasarkan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Empat daripada Tema 11 iaitu Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa (subtajuk: Simpan, Labur dan Untung), muka surat 154 (Abdol et al., 2019). Karangan jenis perbincangan

Nama Pelajar:	Tingkatan:.....
PRAUJIAN Teliti soalan karangan di bawah, hasilkan SATU perenggan sama ada perenggan pendahuluan, perenggan isi atau perenggan kesimpulan.	
Amalan menabung dilihat sebagai sangat penting dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Oleh itu, kita boleh memulakan tabungan pada setiap bulan dan mengawal diri daripada berbelanja barangan yang tidak diperlukan seperti sering menukar telefon pintar model terkini dan membeli pakaian berjenama. Ibu bapa juga harus menjadi contoh yang baik bagi memastikan amalan tersebut berjaya dipraktikkan. Sumber dipetik dan diubah suai daripada: <i>Portal Kosmo.com.my</i>	
Berdasarkan pernyataan di atas, amalan menabung perlu diterapkan dalam diri setiap individu.	
Huraikan pendapat anda, langkah-langkah memupuk amalan menabung dalam diri setiap individu.	

Rajah 1. Set soalan praujian

(respons terbuka) menjadi tumpuan perdana dalam kajian ini memandangkan soalan bentuk ini amat popular dikemukakan dalam peperiksaan SPM.

Setiap pelajar dilabelkan sebagai P1 hingga P65 dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan setiap perenggan yang dihasilkan sama ada memenuhi lapan kriteria yang ditetapkan atau sebaliknya. Langkah berikutnya, guru mengendalikan proses PdP bersama pelajar-pelajar. Proses ini mengambil masa dua jam untuk pelajar-pelajar mengikuti sesi kajian dalam bahagian ini. Pelajar-pelajar diberikan pendedahan terlebih dahulu berhubung kaedah penulisan yang baharu.

Dalam sesi kajian yang sebenar, pelajar sekali lagi diulang dan diuji berhubung kaedah baharu dalam penulisan iaitu kaedah UMIBaKaP, bahan bantu mengajar (mengandungi koleksi ungkapan menarik

dalam bentuk Kod QR) dan panduan penulisan secara koheren menggunakan Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP. Sebagai alternatif, guru menyediakan ‘worksheets’ yang mengandungi ungkapan menarik mengikut tugas karangan untuk memudahkan pelajar mendapatkan koleksi ungkapan menarik seperti peribahasa, kata-kata mutiara dan pendapat tokoh. Kesemua elemen ini dilakukan dalam bentuk kumpulan dan berpusatkan pelajar.

Pelajar dibahagikan kepada 11 kumpulan, setiap kumpulan terdiri daripada 5 hingga 6 orang, dan mereka diminta untuk menghasilkan satu perenggan karangan (sama ada pendahuluan, huraian isi, atau kesimpulan) mengikut jadual LK UMIBaKaP yang disediakan berlandaskan satu tajuk karangan yang sama seperti dalam aktiviti praujian. Jadual ini mengandungi penanda wacana yang sesuai untuk setiap

perenggan. Contoh jadual LK UMIBaKaP bersaiz A3 diberikan sebagai panduan. Pelajar perlu membuat draf terlebih dahulu (Jadual 1) sebelum ditransformasikan dalam bentuk perenggan seperti yang disediakan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

Setiap kumpulan membentangkan dan membacakan hasil karangan mereka melalui aktiviti PAK21, iaitu *Gallery Walk*. Pada akhir sesi PdP, guru memberikan refleksi terhadap hasil kerja pelajar, meneliti kelemahan dan kelebihan setiap perenggan

yang dihasilkan. Langkah terakhir dalam kajian ini ialah pascaujian. Pelajar diberikan tajuk karangan yang berbeza dan diminta menghasilkan satu perenggan karangan menggunakan kaedah UMIBaKaP dan berpandukan LK UMIBaKaP.

Hasil karangan dianalisis mengikut lapan kriteria: (i) kesesuaian penggunaan penanda wacana, (ii) frasa menarik dalam ayat, (iii) pertautan ayat, (iv) bahasa bervariasi, (v) ayat gramatis, (vi) aspek ejaan, (vii) tatabahasa, dan (viii) tanda

Jadual 2
Contoh LK UMIBaKaP

Kaedah	Penanda Wacana	Rangka Karangan
U (Ungkapan Menarik)	Kata-kata terkenal tokoh dunia, yakni ada mengatakan bahawa, <i>atau</i> Peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa,	Pelajar mengisi bahagian ini mengikut topik atau tajuk karangan jenis perbincangan yang diterima.
M (Mengapa)	Bait-bait ucapan tokoh tersebut sengaja dipetik kerana, <i>atau</i> Bait-bait ungkapan mutiara itu sengaja dipetik kerana,	
I (Isu/Isi)	Maka, jelaslah bahawa,	
Ba (Bagaimana)	Dalam konteks ini,	
Ka (Kesan Apa)	Implikasinya,	
P (Penegasan)	Persoalannya sekarang, apakah?	

Jadual 3
Contoh LK UMIBaKaP (draf penuh)

Kaedah	Penanda Wacana	Rangka Karangan
U (Ungkapan Menarik)	Pelajar mengisi semula dalam jadual baharu yang disediakan dengan mencontohi penanda wacana yang disediakan.	Rangka karangan ditulis oleh pelajar setelah dilakukan perbincangan bersama ahli kumpulan
M (Mengapa)		
I (Isu/Isi)		
Ba (Bagaimana)		
Ka (Kesan Apa)		
P (Penegasan)		

baca. Set soalan pascaujian juga dibina berdasarkan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Empat dari Tema 2, “Insan Terdidik, Negara Sejahtera” (subtajuk: Malaysia Membaca).

Setiap pelajar dikehendaki menghasilkan satu perenggan karangan yang dipilih dengan mencontohi LK UMIBaKaP. Langkah ini membolehkan pelajar mengikuti kaedah penulisan baharu langkah demi langkah, memastikan mereka mendapat pendedahan yang mencukupi untuk meningkatkan kemahiran penulisan mereka. Berikut pula diberikan contoh set soalan karangan respons terbuka yang dapat dilihat dalam Rajah 2.

Berikut dipaparkan metodologi kajian dalam bentuk carta alir yang menggambarkan langkah-langkah yang diambil dalam kajian mengikut Rajah 3.

MODEL TAUTAN PINDAAN (2002)

Penghubung ayat juga dikenali sebagai penanda wacana atau *discourse markers*. Karim et. al (2009) pula melihat kohezi sebagai penanda wacana yang dapat dibahagikan kepada lima aspek iaitu,

penghubung, rujukan, penggantian, leksikal, elipsis atau pengguguran. Menurut Choemue & Bram (2021), penanda wacana atau tautan penghubung ayat merupakan peristilahan linguistik yang bertujuan untuk membina ayat yang koheren dan kohezi baik antara ayat dalam sesuatu perenggan mahupun antara perenggan dengan perenggan yang lain.

Lazimnya, tanda koma digunakan selepas menggunakan frasa pada pangkal ayat yang berfungsi sebagai penanda wacana seperti *selain itu, di samping itu, lebih-lebih lagi, malah* dan banyak lagi. Penggunaan penanda wacana menjadi penting sebagai penghubung ayat baharu yang ditulis dengan ayat sebelumnya. Hal ini juga penting untuk memahami konstituen ayat secara relevan dalam penulisan karangan yang sesuai.


Berlandaskan Model Tautan Pindaan seperti yang diusulkan oleh Md.Nasir (2002), aspek kohezi ini merangkumi tiga elemen yang utama yakni, tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubung ayat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Rajah 4.

Nama Pelajar:	Tingkatan:
PASCAUJIAN	
Teliti soalan karangan di bawah, hasilkan SATU perenggan sama ada perenggan pendahuluan, perenggan isi atau perenggan kesimpulan. Gunakan Kaedah UMIBaKaP.	
Sesiapapun tidak menafikan budaya membaca kunci kecemerlangan dan mampu mengubah corak kehidupan seseorang. Apatah lagi, melalui pembacaanlah ilmu ditimba khususnya, insan bergelar pelajar. Dalam mendepani cabaran kecanggihan teknologi, budaya membaca seharusnya terus disemai kepada pelbagai lapisan usia. Pengarah program Ilmu Tautan Kaish, Behoney Low Lee Tong berkata, sebanyak 2,927 buku kanak-kanak pelbagai Bahasa telah disumbangkan oleh Perpustakaan Negara kepada perpustakaan awam dan beberapa buah sekolah.	
Sebagai respons terhadap kandungan petikan akhbar di atas, aktiviti membaca seharusnya menjadi amalan masyarakat kerana bangsa membaca bangsa yang berjaya. Jelaskan kepentingan amalan membaca kepada masyarakat.	

Rajah 2. Set soalan pascaujian (Sumber: Hasil kerja pengkaji)



Rajah 3. Carta alir prosedur kajian



Rajah 4. Model Tautan Pindaan, 2002 (Sumber: Sanat Md. Nasir, 2002)

Berdasarkan Rajah 4, tautan penghubung ayat yang mementingkan jalinan idea sebelum dan selepasnya secara berkesan melalui penggunaan penanda wacana yang penting untuk meningkatkan pemahaman pembaca. Kajian ini memfokuskan aspek tautan penghubung ayat (Md. Nasir, 2002) yang mencirikan ayat penghubung tambahan, tentangan, musabab, waktu dan terusan terhadap 65 sampel karangan pelajar.

Selain itu, beberapa cadangan baharu penggunaan penanda wacana menerusi kaedah UMIBaKaP dalam penulisan karangan. Untuk melaksanakan kaedah tersebut, Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP diperkenalkan untuk membantu pelajar menghasilkan perenggan karangan yang memenuhi ciri-ciri seperti penggunaan penanda wacana yang sesuai, penggunaan frasa menarik, tanda baca, pertautan ayat ditulis dengan baik, bahasa bervariasi dan ayat gramatis. Seandainya pelajar mengabaikan ciri-ciri penulisan ini, prestasi pelajar pasti boleh terjejas dan markah penulisan seseorang pelajar dalam subjek Bahasa Melayu hanyalah berada pada kategori memuaskan atau ke bawah.

Kaedah UMIBaKaP dan LK UMIBaKaP

Kaedah UMIBaKaP (Ignacy, 2021) merupakan idea baharu dalam penulisan karangan yang diperkenalkan untuk membantu meningkatkan prestasi pelajar khususnya dalam karangan Bahagian B (Respons Terbuka) Kertas 1, Bahasa Melayu (1103/01) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kaedah ini dimulakan dengan ungkapan

menarik (U) seperti peribahasa dan pendapat tokoh, kemudian diteruskan dengan ayat huraian (mengapa-M), ayat isu atau isi (I), diteruskan dengan ayat contoh (bagaimana-Ba), ayat kesan sama ada kesan baik atau kesan buruk (Kesan apa- Ka) dan disudahi dengan ayat penegasan atau penutup (P).

Jadual LK UMIBaKaP disediakan untuk pelajar agar dapat mencontohi dan menyesuaikan penanda wacana mengikut perenggan dalam karangan yang mencakupi perenggan pendahuluan, isi dan kesimpulan. Setiap ayat yang dibina dalam sesuatu perenggan memerlukan pertautan yang sesuai dan berkesan. Oleh itu, jadual LK UMIBaKaP dihasilkan untuk membimbing pelajar menulis karangan berpandukan penanda wacana yang disyorkan. Berikut ditunjukkan contoh Jadual LK UMIBaKaP yang mengandungi sebahagian penanda wacana yang dicadangkan untuk membina perenggan pendahuluan, isi dan penutup seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4, 5 dan 6.

Berdasarkan Jadual 4, 5 dan 6, LK UMIBaKaP dibentuk untuk memudahkan pelajar menulis karangan berpandukan koleksi penanda wacana yang dicadangkan. Ketiga-tiga jadual LK UMIBaKaP tersebut menawarkan penanda wacana yang mempunyai unsur gaya bahasa yang menarik, bervariasi dan gramatis. Setiap baris ayat mempunyai pertautan antara satu sama lain selain membina ayat yang jelas dan menyeluruh terhadap soalan karangan yang dikemukakan.

LK UMIBaKaP dihasilkan sebagai satu proses untuk membantu pelajar

menghasilkan pertautan ayat mengikut kaedah UMIBaKaP. Proses pertautan ini tidak sekadar memberikan jadual sahaja, sebaliknya pelajar-pelajar akan diberikan pilihan penanda wacana yang sesuai di samping penggunaan bahasa bervariasi dan frasa menarik untuk dipilih dan disesuaikan oleh pelajar. Setiap frasa

Jadual 4
LK UMIBaKaP untuk membina perenggan pendahuluan

Kaedah	Penanda Wacana	Rangka Karangan
U (Ungkapan Menarik)	Kata-kata terkenal tokoh dunia, yakni ada mengatakan bahawa, <i>atau</i>	Bahagian ini memerlukan setiap pelajar dalam kumpulan menghasilkan perenggan pendahuluan berdasarkan panduan kaedah UMIBaKaP dan mencontohi penanda wacana yang disertakan.
M (Mengapa)	Peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa, Bait-bait ucapan tokoh tersebut sengaja dipetik kerana, <i>atau</i>	
I (Isu/Isi)	Bait-bait ungkapan mutiara itu sengaja dipetik kerana, Maka, jelaslah bahawa,	
Ba (Bagaimana)	Dalam konteks ini,	
Ka (Kesan Apa)	Implikasinya,	
P (Penegasan)	Persoalannya sekarang, apakah?	

Jadual 5
LK UMIBaKaP untuk membina perenggan isi

Teknik	Penanda Wacana	Rangka Karangan
U (Ungkapan Menarik)	Aforisme Melayu ada mengatakan bahawa, <i>atau</i>	Pelajar menggunakan contoh koleksi penanda wacana mengikut setiap perenggan yang mempunyai variasi bahasa.
M (Mengapa)	Memetik pandangan <i>siapa</i> ada mengungkapkan kata-katanya bahawa, Ungkapan mutiara tersebut menzahirkan makna yang cukup jelas bahawa, <i>atau</i>	
I (Isu/Isi)	Kata orang tua- tua tersebut menzahirkan makna yang cukup jelas bahawa, Oleh itu,	
Ba (Bagaimana)	Contoh ketara yang boleh diketengahkan ialah,	
Ka (Kesan Apa)	Kesan positif/negatif yang dapat dilihat ialah,	
P (Penegasan)	Tuntasnya,	Pihak(<i>siapa</i>)...hendaklah melaksanakan suatu pelan tindakan secara bersungguh-sungguh untuk ... <i>ayat tugas</i> / <i>kaitan dengan tajuk</i> dan tidak seperti melepaskan batuk di tangga.

Jadual 6
LK UMIBaKaP untuk membina perenggan kesimpulan

Teknik	Penanda Wacana	Rangka Karangan
U (Ungkapan Menarik)	Sebagai penutup bicara, <i>siapa</i> pernah bermadah bahawa, <i>atau</i> Sebagai penutup bicara, sungguh benarlah pepatah Melayu yang berbunyi,	Bahagian kesimpulan turut menggunakan kaedah UMIBaKaP yang disertakan contoh penanda wacana mengikut kesesuaian.
M (Mengapa)	Sesungguhnya,	
I (Idea)	Dalam hal ini,	
Ba (Bagaimana)	Secara analoginya,	
Ka (Kesan Apa)	Kesannya,	
P (Penegasan)	Bulan kian terang, bayang kian jelas maka,	

yang disediakan mengikut kesesuaian perenggan pendahuluan, isi dan kesimpulan. Pelajar juga diberikan pelbagai ayat yang bervariasi agar pelajar boleh memilih dan menyesuaikannya dalam penulisan.

Hal ini secara tidak langsung membina kreativiti pelajar, berfikir secara kritis dan kreatif dan menggarap elemen KBAT dalam penulisan karangan. Hasilnya, karangan yang dihasilkan mengikut ketetapan skema pemarkahan menepati kehendak pemeriksa dan mencapai gred yang cemerlang. Jika menelusuri peraturan pemarkahan tahap SPM, pelajar dikehendaki menjawab tugas dengan betul.

Selain itu, idea, huraian dan contoh yang digunakan hendaklah relevan, jelas dan matang. Bahasa yang digunakan pula hendaklah gramatis. Hal ini bermakna, pelajar perlu memberikan penekanan terhadap aspek perkataan, ejaan, tanda baca dan gaya bahasa menarik. Pengolahan ayat pula hendaklah sangat menarik dan berkesan. Aspek pemerenggan, wacana

dan pertautan ayat jelas antara perenggan dengan laras bahasa yang sesuai mengikut tugas.

LK UMIBaKaP disediakan memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti di atas dengan pilihan bahasa yang bervariasi, penggunaan penanda wacana yang sesuai dalam setiap bahagian ayat, frasa menarik. Pelajar hanya perlu menyambung pengolahan ayat mengikut kehendak tugas. Dalam hal ini, guru perlu memastikan hasil jawapan pelajar menepati dan ayat yang dibina hendaklah mengikut hukum tatabahasa yang betul.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian dianalisis berdasarkan dua bahagian (i) menganalisis permasalahan pelajar dari aspek bahasa, pemerenggan dan kohesi. Data kajian dianalisis menggunakan aktiviti praujian pelajar. (ii) menilai keberkesanan penggunaan LK UMIBaKaP dari aspek pemerenggan yang mencakupi lapan elemen yang ditetapkan

iaitu, kesesuaian penggunaan penanda wacana, frasa menarik dalam ayat, pertautan ayat, bahasa bervariasi, ayat gramatis, aspek ejaan, tatabahasa dan tanda baca.

Data kajian dianalisis menggunakan aktiviti praujian pelajar. Seramai 65 pelajar yang terlibat sebagai sampel kajian didapati mengalami pelbagai permasalahan dalam penulisan karangan. Antaranya, tidak menggunakan penanda wacana yang sesuai untuk melakukan pertautan ayat, kesalahan bahasa termasuk ejaan dan tanda baca, kesalahan tatabahasa, tiada penggunaan frasa menarik dalam ayat dan kurangnya bahasa bervariasi. Berikut pula ditunjukkan rubrik praujian dan pascaujian

yang digunakan untuk mendapatkan data mengikut Jadual 7 dan 8 yang berikut.

Berdasarkan rubrik pemarkahan tersebut, pengkaji telah membuat ketetapan penskoran seperti dalam Jadual 8.

Sejajar dengan rubrik tersebut, kesemua kesalahan bahasa dalam sampel karangan pelajar dianalisis secara deskriptif. Berdasarkan 65 sampel karangan, berikut pula ditunjukkan Jadual 9 yang mengandungi analisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar.

Seramai 24 peserta kajian mendapat gred lemah, diikuti 32 peserta kajian dengan keputusan gred memuaskan. Manakala, bagi gred baik pula diperoleh lapan peserta

Jadual 7
Rubrik praujian dan pascaujian

Peserta Kajian	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8
Kriteria Penilaian	Kesesuaian penggunaan penanda wacana	Frasa menarik dalam ayat	Pertautan ayat	Bahasa bervariasi	Ayat gramatis	Aspek ejaan	Kesalahan tatabahasa	Tanda baca
P1 hingga P65	SKOR							
Pilih skor yang ditetapkan								
Skor	1	2	3	4	5	Skor yang dipilih hendaklah berdasarkan 8 kriteria yang telah ditetapkan.		
Tahap	Lemah	Memuaskan	Baik	Kepujian	Cemerlang			

Jadual 8
Perincian penskoran

Skor	Gred	Perincian
1	Lemah	7 hingga 8 kesalahan
2	Memuaskan	5 hingga 6 kesalahan
3	Baik	3 hingga 4 kesalahan
4	Kepujian	1 hingga 2 kesalahan
5	Cemerlang	Tiada kesalahan

Jadual 9
Analisis kesalahan bahasa dalam karangan

Peserta Kajian	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	Jumlah Kesalahan	Skor
P1	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8	1
P2	✓	✓	✓	✓			✓		6	2
P3	✓	✓	✓	✓	✓				5	2
P4	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	7	1
P5	✓	✓	✓	✓	✓				5	2
P6		✓	✓						2	4
P7	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P8	✓	✓	✓	✓	✓		✓		6	2
P9	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P10		✓	✓		✓	✓			4	3
P11	✓	✓	✓	✓			✓		5	2
P12	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P13	✓	✓	✓		✓	✓	✓		6	2
P14			✓	✓			✓		3	3
P15	✓	✓	✓		✓	✓			6	2
P16	✓	✓	✓		✓	✓	✓		6	2
P17	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓	7	1
P18	✓	✓	✓	✓	✓	✓			7	1
P19	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P20	✓	✓	✓	✓	✓	✓			7	1
P21	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8	1
P22	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P23	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P24	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P25		✓	✓	✓	✓	✓	✓		6	2
P26	✓	✓	✓			✓	✓		5	2
P27			✓			✓			3	3
P28	✓	✓	✓	✓	✓	✓			7	1
P29		✓	✓	✓		✓	✓		5	2
P30	✓	✓	✓	✓	✓				5	2
P31	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P32	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8	1
P33	✓	✓	✓	✓	✓				5	2
P34	✓	✓	✓	✓	✓		✓		6	2
P35	✓	✓	✓	✓	✓		✓		6	2
P36	✓	✓	✓	✓	✓				6	2
P37	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P38	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓	7	1

Jadual 9 (sambungan)

Peserta Kajian	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	Jumlah Kesalahan	Skor
P39	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P40	✓	✓	✓	✓		✓	✓		6	2
P41		✓	✓	✓					4	3
P42		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7	1
P43	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P44		✓	✓	✓	✓	✓			5	2
P46	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P47	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓	7	1
P48			✓	✓	✓	✓			4	3
P49	✓	✓	✓	✓	✓	✓			6	2
P50	✓	✓	✓	✓		✓			5	2
P51	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8	1
P52	✓	✓	✓	✓					4	3
P53	✓	✓	✓	✓	✓		✓		6	2
P54	✓		✓	✓	✓				4	3
P55			✓	✓			✓	✓	4	3
P56	✓	✓	✓	✓	✓	✓			7	1
P57	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P58	✓	✓	✓	✓	✓	✓			7	1
P59	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P60	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓		7	1
P61	✓	✓	✓	✓				✓	6	2
P62	✓	✓	✓	✓			✓		5	2
P63	✓	✓	✓	✓	✓		✓		6	2
P64	✓	✓	✓	✓	✓				5	2
P65	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	8	1
Jumlah	54	59	65	57	51	43	44	12		

kajian dan seorang mendapat gred kepujian. Terdapat lapan kriteria dilihat dalam sesebuah perenggan seperti yang dihasilkan oleh pelajar dalam praujian.

Antara kriteria kesalahan yang dilihat ialah, ketidaksesuaian penggunaan penanda wacana (K1), tiada penggunaan frasa menarik dalam ayat (K2), tiada pertautan ayat (K3), kurangnya bahasa bervariasi (K4),

ayat kurang gramatis (K5), kesalahan aspek ejaan (K6), kesalahan aspek tatabahasa (K7) dan kesalahan tanda baca (K8).

Kesemua aspek kesalahan ini dilihat dengan cara analisis dokumen (sampel karangan praujian) yang ditulis oleh 65 orang pelajar dan dianalisis kesalahan bahasa mengikut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Daripada lapan kriteria yang dilihat, hampir tujuh kriteria yang merangkumi kesalahan K1, K2, K3, K4, K5, K6 dan K7 didapati paling ketara dilakukan oleh 65 peserta kajian.


Ringkasnya, keseluruhan kesalahan bahasa yang dilakukan peserta kajian dapat ditunjukkan mengikut graf dalam Rajah 5.

Mengikut Jadual 7 dan Rajah 6, kebanyakan peserta kajian didapati melakukan kesalahan bahasa dalam karangan seperti penggunaan penanda wacana yang salah, kurang menggunakan pertautan ayat, tiada penggunaan frasa menarik, bahasa kurang bervariasi, ayat kurang gramatis dan kesalahan tatabahasa termasuk kesalahan ejaan. Manakala, kesalahan K8 (tanda baca) agak kurang dilakukan oleh pelajar memandangkan kesemua peserta kajian merupakan pelajar tingkatan empat yang dianggap sudah tahu dan memahami penggunaan tanda baca yang betul mengikut laras bahasa.

Kesalahan aspek tanda baca yang lazim dilakukan oleh pelajar misalnya, kesalahan tanda nokhtah, tanda koma, tanda pembuka dan pengikat kata, serta tanda tanya. Hal ini bermakna, peserta kajian ini didapati masih sedar dan tahu penggunaan tanda baca dengan betul. Daripada 65 peserta kajian, hanya 12 peserta sahaja didapati melakukan kesalahan tanda baca seperti penggunaan huruf besar, tanda sempang dan tanda koma. Walau bagaimanapun, kesalahan tanda baca masih perlu dititikberatkan oleh pelajar agar tidak menjejaskan markah bahasa secara keseluruhannya.

Kesalahan Penggunaan Penanda Wacana

Menurut Nik Safish Karim et al (2008), dalam kemahiran menulis bahasa Melayu, penanda wacana berfungsi sebagai penghubung antara ayat dengan perenggan. Penanda wacana sangat penting dalam mengekalkan kesinambungan dan kemaslahatan dalam



Rajah 5. Analisis keseluruhan kesalahan pelajar dalam karangan mengikut kriteria

penulisan atau pertuturan. Selain itu, penggunaan penanda wacana membantu dalam membentuk hubungan yang padu antara perenggan (Md. Nasir, 2002).

Beberapa kesalahan daripada sampel karangan dapat dilihat secara rinci dalam makalah ini. Antaranya, kesalahan penggunaan penanda wacana. Berikut pula sampel karangan yang ditulis oleh pelajar P2 yang mengandungi kesalahan penanda wacana, ‘hal ini dikatakan kerana.’

Tambahan lagi, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting untuk memupuk amalan menabung dalam diri setiap individu. Ibu bapa memainkan peranan untuk menjadi contoh atau teladan yang baik kepada anak-anak. Hal ini dikatakan kerana, anak-anak banyak menghabiskan masa bersama ibu bapa. Dengan ini, ibu bapa boleh mendidik anak mereka menabung dari kecil. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya

Penanda wacana tambahan yang digunakan dalam sampel karangan P2 di bawah jelas dilihat iaitu, kesalahan penggunaan penanda wacana ‘hal ini dikatakan kerana.’ Sebaik-baiknya, penanda wacana tersebut dapat dibetulkan sebagai ‘hal ini dikatakan demikian kerana.’ Mengikut sumber daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) perkataan ‘kerana’ merupakan kata keterangan yang membawa fungsi sebagai penghubung klausa yang menerangkan klausa utama. Sesuatu klausa pula hendaklah terdiri daripada subjek dan predikat.

Maka, frasa ‘hal ini’ tidak dapat diterima sebagai klausa, sebaliknya ditambah dengan perkataan ‘demikian’ untuk membentuk klausa ‘hal ini demikian.’ Apabila dianalisis secara rinci, klausa ‘hal ini’ membentuk subjektif, manakala klausa ‘demikian’ membentuk predikat. Sehubungan itu, penggunaan penanda wacana ‘hal ini kerana’ dianggap tidak lengkap.

Oleh itu, pelajar seharusnya ditegur oleh guru agar menggunakan penanda wacana ‘hal ini demikian kerana atau hal ini dikatakan demikian kerana.’ Kesilapan ini tidak harus dianggap remeh sebaliknya, pelajar perlu menggunakan frasa yang betul kerana mempunyai hukum tatabahasa dalam bahasa Melayu yang harus dipatuhi.

Selain itu, P2 ini juga didapati melakukan kesalahan ayat seperti yang boleh dibaca, ‘Dengan ini, ibu bapa boleh mendidik anak mereka menabung dari kecil. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya.’ Ayat tersebut tidak perlu dipisahkan memandangkan penggunaan ayat peribahasa ini boleh digabungkan dengan ayat sebelumnya. Ayat peribahasa tersebut seandainya dipisahkan menampakkan kesalahan sebagai ayat tergantung. Sebaik-baiknya, ayat tersebut ditulis bercantum, iaitu ‘Dengan ini, ibu bapa boleh mendidik anak mereka menabung dari kecil bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya.’

Terdapat juga kesalahan penggunaan penanda wacana yang agak lewih dilakukan oleh kebanyakan peserta kajian. Contohnya, penggunaan frasa ‘terdapat banyak langkah-langkah, antara

langkah-langkah, terdapat beberapa langkah-langkah.’ Frasa seumpama ini juga merupakan kesalahan tatabahasa. Penggunaan penanda wacana permulaan isi ini sepatutnya dibetulkan menjadi *‘terdapat banyak langkah, antara langkah, terdapat beberapa langkah.*’

Namun begitu, pelajar kategori aras sederhana ini masih tetap melakukan kesalahan bahasa atau penggunaan penanda wacana yang salah. Contoh penanda wacana lain yang digunakan dalam bahagian pendahuluan seperti, *‘pada era globalisasi, pada masa moden, dan dalam dunia dilingkari’* didapati tidak lengkap. Begitu juga penggunaan penanda wacana tambahan seperti, *‘selain daripada itu, disamping itu, oleh demikian, justeru itu,’* masih ketara ditemukan dalam beberapa sampel karangan pelajar yang dikaji. Hal tersebut dapat dilihat secara ringkasnya melalui Jadual 10 yang berikut.

Oleh itu, pelajar seharusnya ditegur oleh guru agar menggunakan penanda wacana *‘hal ini demikian kerana* atau *hal ini dikatakan demikian kerana.*’ Kesilapan ini tidak harus dianggap remeh sebaliknya, pelajar perlu menggunakan frasa yang betul kerana mempunyai hukum tatabahasa dalam bahasa Melayu yang harus dipatuhi.

Berdasarkan rujukan Model Pertautan Pindaan (2002), aspek tautan penghubung ayat yang mencirikan ayat penghubung tambahan, tentangan, musabab, waktu dan terusan wajar diketengahkan dan diberikan pilihan kepada pelajar agar pelajar tahu dan faham penggunaan penanda wacana yang betul dan relevan mengikut konteks ayat dalam karangan.

Kesalahan Pertautan Ayat

Selain itu, kebanyakan peserta kajian juga tidak dapat menggunakan pertautan ayat dengan baik. Kebanyakan perenggan

Jadual 10
Kesalahan penanda wacana

Peserta Kajian	Kesalahan	Pembetulan
P3, P5, P21, P24, P22, P25, P35, P46, P56, P62, P65	Selain daripada itu,	Selain itu,
P8, P9, P10, P16, P24, P44	Disamping itu,	Di samping itu,
P25, P43, P63	Oleh demikian,	Oleh yang demikian,
P11, P18, P21, P24, P35, P36, P44, P47, P53, P58	Justeru itu,	Justeru,
P2, P4, P10, P11, P13, P19, P20, P23, P24, P32, P36, P44, P45, P47, P51, P52, P54, P58, P61, P62, P63, P65	Hal ini kerana	Hal ini demikian kerana, hal ini dikatakan demikian kerana
P4, P7, P13, P19, P23	Pada era globasisasi, Pada globalisasi ini,	Pada era globalisasi ini,
P36, P39, P42, P55	Pada masa moden	Pada zaman serba moden ini,
P33, P52	Dalam dunia dilingkari	Dalam dunia dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini,

yang dihasilkan pula hanya mengandungi beberapa elemen dalam karangan peserta kajian. Contohnya ayat isi, ayat huraian dan ayat contoh. Namun begitu, sebagai pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan SPM seharusnya dapat menulis satu perenggan dengan wacana yang lengkap sekurang-kurangnya mempunyai rangkuman ayat isi, ayat huraian, ayat contoh, ayat kesan, ungkapan menarik dan disudahi ayat penegasan. Walau bagaimanapun, sampel karangan P15 pula menunjukkan, peserta kajian ini mengabaikan beberapa elemen tersebut sehingga menyebabkan perenggan karangan yang dihasilkan tidak menunjukkan ciri-ciri karangan yang cemerlang.

Pada era globalisasi ini, sikap memupuk amalan menabung ini amat penting pada diri seseorang. Hal ini kerana amalan menabung dapat membantu individu dalam segi kewangan untuk menyambung pembelajaran, membeli barang keperluan dan macam-macam lagi.

Apabila melihat hasil jawapan karangan yang dihasilkan oleh P15, pelajar ini menghasilkan satu perenggan pendahuluan yang kurang memberangsangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, P15 didapati menghasilkan perenggan pendahuluan yang ringkas dan tidak menyeluruh. Selain itu, ayat kedua yang dihasilkan pula menyentuh bahagian isi. Seharusnya, P15 menyedari ciri-ciri menulis pendahuluan yang baik. Perkara seterusnya, P15 juga tidak menulis ayat penegasan yang sepatutnya

mengandungi ayat tugas iaitu langkah-langkah memupuk amalan menabung.

Berdasarkan Model Tautan Pindaan (2002), P15 hanya menggunakan tautan penghubung waktu (pada era globalisasi ini) dan tambahan (hal ini kerana). Hasilnya, dua ayat sahaja dibina dan tidak menggambarkan tajuk karangan secara holistik. Penggunaan penanda wacana '*hal ini kerana*' juga didapati tidak menepati hukum tatabahasa. Selain itu, P15 juga tidak menunjukkan variasi bahasa atau penggunaan ungkapan menarik seperti peribahasa atau pendapat tokoh yang boleh dikaitkan dengan tajuk. Keseluruhannya, perenggan pendahuluan ini tidak menarik dan kurang memuaskan.

Kesalahan Ejaan dan Tatabahasa

Kesalahan ejaan dan tatabahasa juga banyak didapati dalam sampel karangan pelajar berdasarkan praujian ini. Antara kesalahan ejaan dan tatabahasa yang dikenal pasti dapat ditunjukkan dalam Jadual 11.

Kesemua kesalahan ejaan, tatabahasa mahupun tanda baca yang dilakukan oleh pelajar boleh menjejaskan markah bahasa secara keseluruhannya. Hal ini pastinya akan mengakibatkan markah karangan pelajar merosot dan prestasi pelajar dalam subjek Bahasa Melayu mengalami penurunan.

Berdasarkan praujian yang dilakukan, maka dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan pelajar didapati masih mengalami permasalahan dari aspek bahasa, pemerenggan dan kohesi. Dapatan kajian menunjukkan rata-rata pelajar mencapai tahap lemah, memuaskan dan baik bagi kriteria 1 (penggunaan penanda wacana),

Jadual 11
Kesalahan ejaan dan tatabahasa

Kesalahan	Jenis Kesalahan	Pembetulan
<i>mengunakan</i>	Ejaan	Menggunakan
<i>yaitu</i>	Ejaan	iaitu
<i>berbelanjaan</i>	Ejaan	Perbelanjaan
<i>persoalanya</i>	Ejaan	Persoalannya
<i>memulakkan</i>	Ejaan	Memulakan
<i>rebunnya</i>	Ejaan	Rebungnya
<i>dipraktikkan oleh kita</i>	Ayat pasif	Kita praktikkan
<i>di masa hadapan</i>	Kata sendi	Pada masa hadapan
<i>justeru itu</i>	Kata hubung/ Penanda wacana	Oleh itu/ justeru
<i>disamping itu</i>	Kata sendi	Di samping itu
<i>antara langkah-langkah</i>	Frasa jamak	Antara langkah
<i>terdapat beberapa langkah-langkah</i>	Frasa jamak	Terdapat beberapa langkah
<i>selain daripada itu</i>	Penanda Wacana	Selain itu
<i>sejak dari</i>	Kata sendi/ kata hubung	Sejak / dari
<i>ini kerana</i>	Penanda wacana	Hal ini dikatakan demikian kerana / Hal ini demikian kerana
<i>antaranya ialah memulakan</i>	Frasa	Antaranya, kita hendaklah memulakan ...
<i>ialah dengan</i>	Kata pemerli	Adalah dengan

kriteria 2 (penggunaan frasa menarik), kriteria 3 (pertautan ayat), kriteria 4 (bahasa bervariasi), kriteria 5 (ayat gramatis). Manakala kriteria 6 (kesalahan ejaan), kriteria 7 (kesalahan tatabahasa) dan kriteria 8 (tanda baca) didapati segelintir pelajar mencapai tahap baik dan kepujian. Dapatan tersebut dapat dilihat menerusi data berikut:

Analisis Data Praujian

Berdasarkan Jadual 12 dan Rajah 6, kriteria pertama yang dinilai daripada sampel karangan pelajar membuktikan bahawa, penggunaan penanda wacana dalam kalangan pelajar didapati pada tahap memuaskan sahaja dengan nilai kekerapan 43 dengan nilai peratusnya 66.2%.

Melihat kriteria yang kedua dalam Jadual 13 dan Rajah 7 pula, dapatan kajian menunjukkan penggunaan frasa menarik dalam kalangan pelajar agak lemah dan memuaskan sahaja dengan nilai purata peratusnya iaitu 50%. Hal ini membuktikan, kumpulan pelajar aras sederhana ini masih memerlukan bimbingan untuk menghasilkan frasa menarik dalam penulisan karangan agar mendapat markah yang memuaskan dalam peperiksaan dalaman di sekolah atau peperiksaan SPM.

Sementara itu, kriteria ketiga iaitu pertautan ayat didapati masih lemah dan berada pada tahap memuaskan sahaja memandangkan masih ramai pelajar tidak dapat menggunakan pertautan ayat yang

sesuai berdasarkan huraian dalam sesuatu perenggan. Hal tersebut dibuktikan melalui Jadual 14 dan Rajah 8 yang berikut:

Berlandaskan Jadual 15 dan Rajah 9 menerusi kriteria keempat iaitu penggunaan bahasa yang bervariasi pula, juga menunjukkan tahap yang lemah dan memuaskan sahaja dengan nilai kekerapan sebanyak 32 dan 33. Hal ini ternyata membuktikan bahawa, pelajar tahap sederhana masih perlu mendapatkan panduan dan bimbingan secara berterusan daripada guru untuk menggunakan variasi bahasa mengikut soalan karangan yang dikemukakan.

Hal ini juga bermaksud, pelajar perlu menunjukkan usaha untuk membaca dan

mencontohi ayat-ayat yang bervariasi daripada pelbagai sumber seperti majalah, akhbar dan internet untuk disesuaikan dalam karangan.

Sementelahan, Jadual 16 dan Rajah 10 di bawah ini pula merupakan data bagi kriteria kelima iaitu kesalahan ayat atau pembinaan ayat yang kurang gramatis. Pelajar tahap sederhana ini berada pada tahap sederhana dan lemah apabila rata-rata

Jadual 12
Analisis praujian kriteria 1


Skor	Kekerapan	Peratus
Lemah	5	7.6
Memuaskan	43	66.2
Baik	17	26.2
Jumlah	65	100.0

Jadual 13
Analisis praujian kriteria 2


Skor	Kekerapan	Peratus
Lemah	33	50.8
Memuaskan	32	49.2
Jumlah	65	100.0

Jadual 14
Analisis praujian kriteria 3


Skor	Kekerapan	Peratus
Lemah	28	43.1
Memuaskan	37	56.9
Jumlah	65	100.0



Rajah 6. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 1



Rajah 7. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 2



Rajah 8. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 3

pelajar membina ayat mudah, namun masih menunjukkan kesilapan dari aspek sintaksis. Pembinaan ayat tergantung, ayat tanpa subjektif dan ayat songsang masih ketara dijumpai dalam sampel karangan pelajar.

Jika meneliti kriteria keenam menerusi Jadual 17 dan Rajah 11 yakni, kesalahan ejaan didapati agak kurang dilakukan oleh pelajar. Bagi kriteria ini, pelajar kategori ini didapati berada pada tahap baik dan kepujian. Walau bagaimanapun, sebilangan kecil kesalahan ejaan atau dikenali sebagai kesalahan ortografi ini masih dilakukan oleh kumpulan pelajar ini. Oleh yang demikian, pelajar ini perlu sentiasa cakna tentang penggunaan ejaan yang betul dalam penulisan karangan.

Jadual 15
Analisis praujian kriteria 4

Skor	Kekerapan	Peratus
Lemah	32	49.2
Memuaskan	33	50.8
Jumlah	65	100.0


Jadual 16
Analisis praujian kriteria 5

Skor	Kekerapan	Peratus
Lemah	32	49.2
Memuaskan	33	50.8
Jumlah	65	100.0


Jadual 17
Analisis praujian kriteria 6

Skor	Kekerapan	Peratus
Baik	24	36.9
Kepujian	41	63.1
Jumlah	65	100.0


Apabila melihat kriteria yang ketujuh pula, aspek kesalahan tatabahasa didapati masih ketara berlaku dalam kalangan pelajar. Berdasarkan Jadual 18 dan Rajah 12, sebanyak 20 orang pelajar berada pada tahap lemah dan memuaskan manakala sebanyak 33 dan 12 orang pula masing-masing pada kategori baik dan kepujian. Walaupun bilangan pelajar yang melakukan kesalahan tatabahasa agak rendah, tetapi



Rajah 9. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 4




Rajah 10. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 5



Rajah 11. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 6

Jadual 18
Analisis praujian kriteria 7

Skor	Kekerapan	Peratus
Lemah	5	7.7
Memuaskan	15	23.1
Baik	33	50.8
Kepujian	12	18.5
Jumlah	65	100.0



Rajah 12. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 7

aspek tatabahasa dalam bahasa Melayu hendaklah digunakan secara betul dan mengikut hukum tatabahasa yang betul.

Melihat kriteria yang terakhir, kriteria tanda baca pula, kebanyakan pelajar didapati kurang melakukan kesalahan tanda baca. Data tersebut dapat dibuktikan apabila seramai 59 pelajar berada pada tahap baik dan 6 pelajar lagi berada pada tahap kepujian. Aspek tanda baca seperti penggunaan huruf besar dan kecil, tanda koma, tanda sempang dan pembuka dan penutup pengikat kata sering kali digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan. Penggunaan tanda baca masih perlu diperkukuh khususnya pelajar tahap sederhana ini agar terus berusaha untuk mengurangkan kesalahan ini dalam karangan.

Oleh itu, tulisan pelajar juga memainkan peranan penting agar skrip karangan pelajar

jelas dan tiada kesalahan tanda baca yang dikenal pasti. Kesalahan-kesalahan ini dapat juga ditunjukkan menerusi sampel karangan P32 yang mengetengahkan kesilapan penggunaan tanda baca khususnya huruf besar atau huruf kecil.


Amalan membaca amat Penting kePada masyarakat kerana melalui Pembacaanlah ilmu ditimba khususnya insan yang bergelar Pelajar. hal ini dikatakan demikian kerana dengan membaca buku. Pelajar boleh mendaPat lebih banyak maklumat yang Penting melalui buku. Jadi Pelajar mestilah banyak luangkan masa dengan membaca buku.

Jika diteliti secara mendalam, P32 tidak dapat membezakan penggunaan huruf besar dan huruf kecil dengan betul. Ayat permulaan sesuatu perkataan hendaklah dimulai dengan huruf besar, namun begitu, P32 didapati melakukan kesalahan tanda baca apabila memulakan perkataan iaitu, ‘amalan’ dengan huruf /a/ pada huruf kecil.

Selain itu, P32 juga didapati menulis huruf /p/ sebagai huruf besar pada kebanyakan perkataan. Contohnya, /P/enting, ke/P/ada, /P/embacaanlah dan /P/elajar. Hal tersebut jelas menunjukkan P32 menjadikan ia sebagai tabiat penulisan yang tidak menepati penggunaan tanda baca khususnya huruf besar dan huruf kecil dengan sebetulnya. Seterusnya kesalahan tanda baca yang merupakan kriteria kelapan dapat dipamerkan menerusi Jadual 19 dan Rajah 13.

Jadual 19
Analisis praujian kriteria 8

Skor	Kekerapan	Peratus
Baik	59	90.8
Kepujian	6	9.2
Jumlah	65	100.0



Rajah 13. Peratus dan kekerapan praujian kriteria 8

Dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar berada pada tahap baik dan kepujian bagi kriteria kesalahan tanda baca. Hal ini bermakna, pelajar didapati mempunyai kesedaran dan cakna terhadap penggunaan tanda baca yang betul secara asasnya dalam penulisan karangan.

Kesimpulannya, hasil data praujian yang dilaksanakan ini menjadi satu mekanisme untuk membantu golongan pelajar ini memperbaiki penulisan perenggan dalam kalangan pelajar ke arah yang lebih efektif. Sehubungan itu, kaedah baharu dalam penulisan iaitu kaedah UMIBaKaP dibangunkan dan diperkenalkan kepada pelajar untuk menghasilkan karangan yang cemerlang dan matang. Untuk membantu pelajar menghasilkan karangan yang berkualiti tinggi, Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP dihasilkan untuk membimbing pelajar menghasilkan karangan mengikut panduan dan bimbingan secara terarah.

Analisis Data Pascaujian

Hasil pendedahan LK UMIBaKaP kepada 65 peserta kajian ini, pelajar-pelajar dapat menghasilkan perenggan karangan yang menarik, cemerlang dan matang. Hampir kesemua pelajar dapat menghasilkan sebuah perenggan yang menepati kelapan-lapan kriteria yang ditetapkan. Beberapa sampel karangan pascaujian yang dihasilkan oleh pelajar dapat ditunjukkan dalam Jadual 20 seperti berikut.

Berpandukan Jadual 20, hasil perenggan P35 menunjukkan penggunaan penanda wacana yang sesuai, penggunaan pertautan ayat yang sesuai dan menarik mengikut setiap ayat yang dikaitkan dengan baik, bahasa juga menunjukkan variasinya, tiada kesalahan ejaan mahupun tanda baca. LK UMIBaKaP yang dihasilkan dalam bentuk jadual menjadi satu panduan kepada pelajar untuk menghasilkan satu perenggan karangan secara sistematik dan terkawal.

Hal ini juga boleh membantu pelajar untuk menjimatkan masa tanpa perlu membuang masa untuk memikirkan frasa menarik, penanda wacana dan pertautan ayat kerana pelajar telah diberikan pelbagai pilihan. Hasil jawapan pelajar hendaklah ditransformasikan dalam bentuk perenggan yang terhasil seperti di bawah;

Aforisme Melayu ada mengatakan bahawa, ada kemenyan sebesar lutut, jika tidak dibakar tidak akan berbau. Ungkapan mutiara tersebut menzahirkan makna yang cukup jelas bahawa, seseorang yang ada ilmu jika tidak digunakan tidak akan

Jadual 20
Sampel karangan pascaujian P35

Teknik	Ayat Lengkap
Ungkapan Menarik (U)	Aforisme Melayu ada mengatakan bahawa, kemenyan sebesar lutut jika tidak dibakar tidak akan berbau
Mengapa (M)	Ungkapan mutiara tersebut menzahirkan makna yang cukup jelas bahawa, seseorang yang ada ilmu jika tidak digunakan tidak akan mendatangkan faedah.
Isu/ Isi (I)	Oleh itu, kita hendaklah menggunakan seluruh ilmu pengetahuan kita terutamanya kepada diri kita dan masyarakat.
Bagaimana (Ba)	Contoh ketara yang boleh diketengahkan ialah, berkongsi ilmu melalui forum yang diadakan agar dapat menyebarkan ilmu tersebut kepada masyarakat.
Kesan apa (Ka)	Kesan positif yang dapat dilihat ialah negara dapat melahirkan anak muda yang berpotensi tinggi dalam pelajaran.
Penegasan (P)	Tuntasnya, pihak masyarakat hendaklah melaksanakan suatu pelan tindakan secara bersungguh-sungguh untuk memupuk amalan membaca dan tidak seperti melepaskan batu di tangga.


mendatangkan faedah. Oleh itu, kita hendaklah menggunakan ilmu pengetahuan terutamanya kepada diri dan masyarakat. Contoh ketara yang boleh diketengahkan ialah, kita boleh berkongsi ilmu melalui forum yang diadakan agar menyebarkan ilmu tersebut kepada masyarakat. Kesan positif yang dapat dilihat ialah negara dapat melahirkan anak muda yang berpotensi tinggi dalam pelajaran. Tuntasnya, pihak masyarakat hendaklah melaksanakan suatu pelan tindakan secara bersungguh-sungguh untuk memupuk amalan membaca dan tidak seperti melepaskan batu di tangga.

Pembinaan perenggan yang mantap dan seimbang dari segala aspek menjadi satu nilai tambah kepada pelajar untuk mencapai markah yang tinggi dalam peperiksaan. Hasil data pascaujian yang dianalisis menunjukkan, hampir semua pelajar dapat menguasai penggunaan LK

UMIBaKaP berdasarkan pendedahan dan kaedah penulisan yang baharu. Perkara tersebut dapat dibuktikan secara rinci mengikut Jadual 21 dan Rajah 14.

Secara ringkasnya, data pascaujian tersebut merupakan dapatan yang menunjukkan peningkatan serta pencapaian pelajar pada tahap cemerlang dan kepujian setelah menggunakan panduan penulisan LK UMIBaKaP. Kesemua pelajar dapat memenuhi kelapan-lapan kriteria yang ditetapkan dan berada pada skor kepujian dan cemerlang. Malah, Kriteria 3 (pertautan ayat), 4 (bahasa bervariasi), 6 (aspek ejaan) dan 8 (tanda baca) menunjukkan tahap pencapaian 100% (skor cemerlang) selepas menjalani sesi pascaujian dan memperlihatkan peningkatan yang drastik.

Hal ini selari dengan bimbingan dan panduan LK UMIBaKaP yang efektif agar pelajar dapat menulis satu perenggan baik yang menepati kelapan-lapan elemen tersebut. Berikut pula diketengahkan perbandingan data praujian dan pascaujian



Rajah 14. Keputusan pascaujian

yang memperlihatkan peningkatan pencapaian murid dalam penulisan karangan yang meliputi kelapan-lapan kriteria yang telah ditetapkan.

Analisis perbandingan Jadual 22 dan Rajah 15 tersebut jelas menunjukkan bahawa, terdapat peningkatan prestasi pelajar dalam penulisan karangan daripada pencapaian gred lemah dan memuaskan kepada gred kepujian, baik dan cemerlang. Jika diteliti secara rinci, pencapaian pelajar dari gred baik, memuaskan dan lemah berubah kepada gred cemerlang dan kepujian bagi lima kriteria yakni, kriteria 1 hingga kriteria 5. Sementara itu, bagi kriteria 6, 7 dan 8 pula, pelajar yang berada pada gred kepujian, baik, memuaskan dan lemah turut menampakkan peningkatan kepada gred cemerlang dan kepujian.

Sehubungan itu, hasil kajian ini membuktikan, penggunaan LK UMIBaKaP dapat meningkatkan tahap penulisan pelajar aras sederhana ke tahap yang cemerlang. Oleh itu, penulisan karangan khususnya

Jadual 21
Analisis data pascaujian


Kriteria	Kepujian (%)	Cemerlang (%)
Kriteria 1	9.2	90.8
Kriteria 2	24.6	75.4
Kriteria 3	-	100
Kriteria 4	-	100
Kriteria 5	20	80
Kriteria 6	-	100
Kriteria 7	38.5	61.5
Kriteria 8	-	100

karangan respons terbuka dalam kertas 1 Bahasa Melayu (Bahagian B) menjadi lebih mudah dan sistematik apabila pelajar dapat menggunakan jadual pembelajaran LK UMIBaKaP secara konsisten. Hasil panduan penulisan karangan berpandukan LK UMIBaKaP membolehkan murid mencapai keputusan yang cemerlang mahupun boleh berada pada gred kepujian.

Hasil kajian ini juga mendapati pelajar dapat menulis menggunakan penanda wacana atau tautan penghubung ayat mengikut kesesuaian dan relevan mengikut

Jadual 22
Analisis perbandingan data praujian dan pascaujian

	Praujian/ Pascaujian	Cemerlang (%)	Kepujian (%)	Baik (%)	Memuaskan (%)	Lemah (%)
Kriteria 1	Praujian			22.2	66.2	7.6
	Pascaujian	90.8	9.2			
Kriteria 2	Praujian				49.2	50.8
	Pascaujian	75.4	24.6			
Kriteria 3	Praujian				56.9	43.1
	Pascaujian	100	-			
Kriteria 4	Praujian				50.8	49.2
	Pascaujian	100	-			
Kriteria 5	Praujian				50.8	49.2
	Pascaujian	80	20			
Kriteria 6	Praujian		63.1	36.9		
	Pascaujian	100				
Kriteria 7	Praujian		18.5	50.8	23.1	7.7
	Pascaujian	61.5	38.5			
Kriteria 8	Praujian		9.2	90.8		
	Pascaujian	100				



Rajah 15. Perbandingan pencapaian keputusan praujian dan pascaujian

konteks perbincangan tajuk karangan. Hal ini sejajar dengan pandangan Choemue & Bram (2021) bahawa, penanda wacana atau tautan penghubung ayat berfungsi untuk memastikan pengolahan ayat yang menepati ciri-ciri koheren dan kohesi serta mempunyai kesinambungan yang baik antara perenggan dengan perenggan yang lain. Hakikatnya, pencapaian pelajar menggunakan LK UMIBaKaP merupakan

penemuan baharu yang tidak dibincangkan oleh pengkaji terdahulu.

Dari sudut koheren dan kohesi, penulisan karangan yang cemerlang dan matang hendaklah menepati kedua-dua elemen ini. Dalam linguistik, penyelarasan idea dalam karangan dianggap sebagai koheren manakala, pemakaian bahasa dan struktur ayat yang mempunyai kesinambungan yang baik dianggap sebagai kohesi (Md. Nasir, 2002). Hal ini penting selari dengan gagasan idea penulis dapat difahami secara afdal selain dapat menghayati isi kandungan dalam penulisan tersebut. Dalam konteks pendidikan, perkara ini dilihat sebagai keupayaan seseorang untuk menyampaikan idea dengan jelas dan jitu di samping menjadi pemacu perdana ke arah kejayaan dalam kurikulum (Yuneh et al, 2022).

Sekiranya dilihat dari aspek kohesi pula, pertautan antara ayat demi ayat memainkan peranan penting agar setiap unsur dalam karangan mempunyai perkaitan. Maka, penggunaan penanda wacana hendaklah menepati struktur ayat agar dapat memenuhi kriteria koheren dan kohesi dalam karangan (Ignacy & Subramaniam, 2022). Seajar dengan itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penulisan karangan yang memenuhi ciri-ciri koheren dan kohesi dapat meningkatkan mutu penulisan selain membentuk keyakinan pelajar untuk mengembangkan kemahiran menulis (Sakrim, 2021).

Dalam hal yang berbeza, Kanapathy (2011) bersetuju bahawa, latihan yang konsisten dan pendedahan teknik baharu secara berterusan dapat membentuk hasil

penulisan yang berimpak tinggi. Selari dengan pandangan Rahim & Othman (2016) bahawa, guru hendaklah memainkan peranan penting agar pelajar diberikan pendedahan terhadap kaedah baharu sebagai alternatif dengan cara mengaitkan idea dan memastikan pelajar menggunakan penanda wacana yang relevan mengikut tugas karangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar dapat menghasilkan karangan melalui aturan idea yang jelas dan sistematik.

Kajian tentang keberkesanan LK UMIBaKaP menonjolkan penemuan yang signifikan yang menyumbang kepada kemahiran bahasa, terutamanya kemahiran menulis dalam bahasa Melayu. Penyelidikan ini menekankan peranan penanda wacana, kohesi ayat, dan struktur yang koheren dalam penulisan esei, mengukuhkan teori yang telah dibentangkan oleh para sarjana sebelum ini (Choemue & Bram, 2021; Md.Nasir, 2002). Kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran menulis yang sistematik, panduan penulisan koheren dan kohesi secara berstruktur melalui LK UMIBaKaP dapat mengatasi kelemahan umum yang ditemukan dalam prestasi penulisan pelajar.

Tambahan pula, kajian ini selaras dengan argumen yang dikemukakan oleh penyelidikan terdahulu, yang berpendapat bahawa pengajaran penulisan yang berkesan perlu mengutamakan pemahaman struktur ayat dan penggunaan strategik penyambung ayat yang bervariasi (Marliana et al., 2023). Ia memberikan rangka kerja untuk menilai hasil tulisan berdasarkan pendekatan yang kohesif dan koheren, sekali gus

meningkatkan amalan pedagogi dalam pendidikan bahasa.

Kajian ini mencadangkan aplikasi yang lebih luas melalui pendekatan LK UMIBaKaP dalam konteks pendidikan yang berpotensi memberikan manfaat kepada pelajar dalam bidang kajian bahasa lain. Dengan meningkatkan kebolehan pelajar dalam menulis melalui aplikasi praktikal, LK UMIBaKaP berfungsi sebagai alat yang menghubungkan pengetahuan teori dengan hasil pembelajaran yang nyata.

LK UMIBaKaP dikatakan sesuai untuk digunakan dalam bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Berbeza pula dengan pendekatan lama, terdapat teknik penulisan karangan yang lazim digunakan oleh pelajar iaitu teknik IMBaKuP Ibrahim, M.N (2015). Namun begitu, teknik ini pula hanya dapat digunakan dalam bahagian isi. Manakala untuk bahagian kesimpulan, teknik yang lain pula digunakan seperti teknik PCH (Pandangan, Cadangan Huraian) dan tiada teknik tertentu digunakan dalam bahagian pendahuluan.

Sementelahan, terdapat juga teknik penulisan karangan seperti teknik TIK dan THINK (untuk menulis pendahuluan), teknik TOHUCOKEP (untuk menulis bahagian isi) dan KeCaHa (untuk menulis kesimpulan). Tiga teknik yang berbeza diterapkan dalam kalangan pelajar untuk menghasilkan satu karangan secara holistik (Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, 2019). Berbanding pula dengan kaedah UMIBaKaP, pelajar hanya perlu menguasai satu kaedah untuk digunakan dalam semua bahagian karangan. LK UMIBaKaP pula dihasilkan

sebagai panduan dan bimbingan kepada pelajar yang menawarkan pelbagai koleksi penanda wacana dan bahasa bervariasi untuk membina ayat secara koheren dan kohesi. Dalam hal ini, pelajar perlu diasah untuk menguasai ungkapan menarik seperti peribahasa, kata-kata mutiara, kata-kata tokoh untuk disesuaikan dalam karangan. Maka, guru boleh memberikan pendedahan awal kepada pelajar melalui kerangka LK UMIBaKaP yang disediakan.

Satu lagi pendekatan berbeza digunakan oleh Vayyapuri (2021) apabila memperkenalkan peta I-Think yang digunakan sebagai langkah awal untuk merangka karangan yang terdiri daripada beberapa elemen. Antaranya, ayat utama, ayat huraian, contoh yang sesuai, peribahasa dan penegasan. Kemahiran ini juga baik diterapkan dalam PdP kemahiran menulis agar pelajar dapat menghasilkan karangan dengan lebih sistematik dan terkawal. Namun begitu, penggunaan peta I-Think memerlukan pelajar memikirkan setiap elemen dalam karangan tanpa penanda wacana yang bersesuaian mengikut setiap ayat. Jika dibandingkan dengan LK UMIBaKaP, pelajar diberikan jadual LK UMIBaKaP mengikut susunan yang bertujuan untuk merangka karangan mengikut kaedah selain menggunakan pertautan ayat yang telah disediakan.

Secara praktikal, LK UMIBaKaP telah menunjukkan keberkesanannya sebagai alat pengajaran dalam meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah menengah atas khususnya tingkatan empat dan lima. Penyelidikan ini mendapati

bahawa pelajar yang menggunakan lembaran kerja ini menampilkan peningkatan hampir 100% dalam kemampuan menulis mereka, terutamanya dalam menggunakan penanda wacana yang sesuai dan mengekalkan kohesi ayat. Pelaksanaan LK UMIBaKaP di dalam bilik darjah menyediakan pendekatan berstruktur yang dapat diterima pakai oleh pendidik untuk memudahkan keupayaan menulis dalam kalangan murid.

Dalam konteks kajian ini, penggunaan LK UMIBaKaP yang mementingkan aspek koheren dan kohesi yang menawarkan pelbagai koleksi penanda wacana dan penggunaan bahasa bervariasi dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan menulis karangan dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, kaedah baharu yang diketengahkan adalah selari dengan panduan penulisan karangan secara terarah menjadi dasar kepada penulisan yang cemerlang, matang dan berkualiti tinggi. Malah, kaedah ini juga menjadi alternatif terbaik untuk diserapkan dalam kurikulum bahasa Melayu menengah atas sebagai pedagogi sokongan untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dari aspek penulisan karangan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penulisan yang koheren dan kohesif adalah tanda kematangan dalam penulisan akademik, dan mencadangkan agar program latihan penulisan yang berfokus kepada kedua-dua aspek ini diperkenalkan dalam kurikulum universiti untuk meningkatkan kemahiran penulisan pelajar. Sehubungan

itu, penggunaan panduan penulisan yang menekankan aspek koheren dan kohesi menggunakan contoh penulisan yang baik serta memberikan latihan yang berfokus kepada pengenalan penanda wacana dan struktur ayat yang berkesan.

Jelasnya, latihan yang berfokus kepada koheren dan kohesi dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam menulis, dengan penemuan menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dalam latihan ini menunjukkan peningkatan ketara dalam kemampuan mereka untuk menyusun idea dan menggunakan bahasa dengan tepat. Kesemua pandangan ini menunjukkan bahawa penekanan kepada koheren dan kohesi dalam pengajaran penulisan adalah penting untuk membangunkan penulis yang cemerlang dan berkualiti.

LK UMIBaKaP yang dibangunkan menjadi penting untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis perbincangan, menunjukkan keberkesanan yang signifikan dalam membantu murid memahami dan mengaplikasikan teknik penulisan yang betul. Melalui pendekatan yang terstruktur dan berfokus, LK UMIBaKaP menyediakan panduan yang jelas kepada murid dalam menghasilkan karangan yang berkualiti, termasuk penggunaan penanda wacana yang sesuai dan ungkapan menarik.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa, prestasi penulisan murid menunjukkan kenaikan graf yang ketara apabila lebih ramai murid mencapai tahap kepujian dan cemerlang dalam karangan mereka. Dengan panduan yang jelas, murid

dapat meningkatkan kualiti penulisan mereka. Hal tersebut menunjukkan bahawa LK UMIBaKaP bukan sahaja membantu murid mengatasi kesalahan bahasa yang sering dilakukan, tetapi juga membina keyakinan mereka dalam menulis.

Oleh yang demikian, penggunaan LK UMIBaKaP menjadi panduan kepada pelajar untuk menghasilkan sesebuah perenggan karangan sama ada pendahuluan, huraian isi atau kesimpulan dengan cemerlang dan matang. Hasil pascajian membuktikan, penggunaan LK UMIBaKaP sebagai alat bimbingan untuk pelajar menghasilkan sebuah perenggan yang menepati pemeriksaan SPM yang sebenar. Penerapan elemen KBAT, aktiviti berkumpulan yang menekankan PAK21 harus ditangani secara baik oleh guru di bilik darjah.

Pendedahan kepada pelajar terhadap penggunaan penanda wacana yang sesuai, koleksi frasa menarik seperti peribahasa dan pendapat tokoh, penggunaan bahasa yang bervariasi dan cara-cara menghasilkan tautan ayat telah membantu pelajar untuk menghasilkan sebuah perenggan karangan yang efektif, matang dan cemerlang. Penggunaan LK UMIBaKaP boleh diperluas dan melihat keupayaannya dalam konteks penulisan yang berbeza serta diuji terhadap pelajar yang berbeza demografinya.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pihak KPM atas pengurniaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dalam membantu menjalankan kajian

yang dapat membantu pelbagai pihak pada peringkat KPM, JPN, PPD, Pegawai Bahasa SISc+ dan para pendidik subjek Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abd. Nasir, S. N., & Abdul Halim, H. (2023). Teknik Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Berkesan Melalui Psikolinguistik Dalam Penulisan Ulasan Bahasa Melayu Tingkatan Tiga. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 49-67.
- Abdol, Z., Lin, A.H., & Tarkep, L. (2019). *Bahasa Melayu Tingkatan 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Abdullah, N. A., Mahamod, Z., & Shaid, N. A. H. N. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah [The Affecting Factors in Malay Language Essay Writing of the Secondary School Students]. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.
- Akup, A. A., & Othman, Y. (2017). Keberkesanan Peta Pemikiran Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6 [The Effectiveness i-Think to Improving Essay Writing Skills Malay Language Among Form 6 Students]. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 44-45.
- Ali, A. S. S., Mahamod, Z., & Mis, M. A. (2021). Masalah pelajar etnik Bajau dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Borneo International Journal*, 4(3), 26-36.
- Alias, N. (2019). Analisis Perbandingan Penanda Wacana Pernyataan Semula Bahasa Melayu iaitu dan bahasa Sepanyol Esto es [A Comparative Analysis of Malay Reformulation Marker Iaitu and Spanish Reformulation Marker Esto es]. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(4).

- Che Ibrahim, N. F. S., Mohd Rusli, N. F., Shaari, M. R., & Nallaluthan, K. (2021). Students' Perceptions of Interactive Multimedia Applications in the 21st Century Teaching and Learning Process. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15-24. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.01.003>
- Che Man, N. A., A Razak, M. F. H., & Md Yusof, F. H. (2023). Meningkatkan penguasaan penulisan karangan naratif pelajar Tahun 6 menggunakan Kit Ikan Karang. In *International Conference of Research on Language Education 2023: "Embracing Change: Emancipating the Landscape of Research in Linguistics, Language and Literature"* (pp. 619-632). Academy of Language Studies.
- Choemue, S., & Bram, B. (2021). Discourse markers in academic and non-academic writings of Thai EFL learners. *Studies in English Language and Education*, 8(3), 1209-1226. <https://doi.org/10.24815/siele.v8i3.20122>
- Clerehan, R., & Moodie, J. (1997). A systematic approach to the teaching of writing for supervisors of international students: Perspectives from genre theory. In R. M. Harvey & H. C. Silins (Eds.), *Learning and teaching in higher education: Advancing international perspectives* (HERDSA Conference Proceedings). HERDSA.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). *Hal ini kerana*. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hal+ini+kerana&d=175768>
- Fauzi, T. N. L. T. M., & Yusoff, M. S. A. (2022). The IPMA on Factors Influencing Language Ability of Malaysian Higher Education ESL Learners. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 11(2), 1621-1631.
- Ibrahim, M.N. (2016). *Penulisan Bahasa Malaysia SPM: Memperkenalkan Kaedah IMBaKuP dalam Penulisan*. Penerbit Ilmu Bakti.
- Ignacy, R., & Subramaniam, V. (2024). Language Errors in Writing Skills According to Corder's Theory. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(2), 776-791.
- Ignacy, R., & Subramaniam, V. (2022). Kesalahan Aspek Morfologi Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Akibat Percampuran Kod. *Jurnal IPDA*, 29(2), 71-84.
- Ignacy, R., & Subramaniam, V. (2022). Kaedah UMIBaKaP dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Majalah Pelita Bahasa*, Bil 8, 20-23.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. (2019). Kit Celik Mengarang Selangor (KCMS). Unit Bahasa, Sektor Pembelajaran, JPN Selangor.
- Jusoh, W. N. A. S. W., Jobar, N. A., & Yusoff, M. Z. N. M. Kajian Rintis Penulisan Karangan Persuasif Bahasa Melayu Pelajar Iban: Analisis Kohesi dan Aliran Tematik. *ICMAL 2023 2nd International Conference on Modern Languages and Applied* (p. 126).
- Kanapathy, K. (2011). *Kohesi dan Koheren Dalam Karangan Pelajar Tingkatan Enam*. University of Malaya (Malaysia).
- Karim, N. S, Onn, F. M, Musa, H., & Mahmood, A. H. (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Buku Format Pentaksiran Mulai Tahun 2021*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.
- Kihob, A. J., & Mahali, S. N. H. (2020). Kerancuan Bahasa dalam Karangan Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Tuaran, Sabah: Mixed Language in Essay of Secondary Students in Tuaran District, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2), 97-97.

- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020). *Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1*. http://lp.moe.gov.my/images/bahan/spm/KMJ/KMJ_SPM_2020/BAHASA%20MELAYU%20KERTAS%201%201103_1.pdf
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2021). *Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1*. Retrieved from http://lp.moe.gov.my/files/kmj/2021/1103_1%20BAHASA%20MELAYU%20KERTAS%201.pdf
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2022). *Kupasan Mutu Jawapan Bahasa Melayu 1103/1*. Retrieved from <http://lp.moe.gov.my/files/spm/2023/KMJ%202023/BAHASA%20MELAYU%20KERTAS%201%201103-1.PDF>
- Lydia, A. J., & Jamaludin, K. A. (2022). Pelaksanaan strategi pembelajaran bahasa dalam meningkatkan kemahiran menulis pelajar (Implementation of language learning strategies in improving students' writing skills). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 340-352. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.3.29>
- Magesvaran, U., Mahamod, Z., Mahad, I., & Syuhada, I. N. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). *In International Conference on Business Studies and Education* (pp. 44-60).
- Mayasari, W. (2019). Using Graphic Organizer to Increase Students' Writing Performance in Organizing Idea. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 8(2), 342-362. <https://doi.org/10.31571/bahasa.v8i2.1626>
- Marliana, N. L., Jaafar, M. F., & Radzi, H. (2023). Penanda Pengemukaan Topik dalam Wacana Pedagogi: Satu Analisis Wacana Kritis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 23(2).
- Md. Nasir., S. (2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ali, H., & Mahamod, Z. (2019). Kit Boneka Peribahasa (BOSA) Sebagai Bahan Bantu Dalam Pembelajaran Simpulan Bahasa: Satu Kajian Tindakan. *E-Prosiding Linguistik, Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Nasir, I. (2016). *Penulisan Bahasa Malaysia SPM: Memperkenalkan Kaedah IMBaKuP dalam Penulisan*. Penerbit Ilmu Bakti.
- Nawawi, N. A., & Ting, S. H. (2022). An Analysis of Interactional Metadiscourse Markers in Political Science Research Articles. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(1).
- Yaacob, R. (2017). *Kesan Pengajaran Terancang Kohesi Nahuhan Konjungsi dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Rahim, N. H. M., & Othman, Y. (2016). Keberkesanan Peta Bulatan dan Peta Alir dalam Meningkatkan Penguasaan Menulis Karangan Naratif Murid Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 68-77.
- Raman, S., Zainal, M. Z., & Amzah, F. (2023). Pembinaan, Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Penulisan Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002031-e002031.
- Reid. (2004). Enhancing Student thinking through Collaboration Learning. Sumber Internet: (http://www.ed.gov/database/ERIC_Digest/)
- Sakrim, S. (2021). Perwujudan Kohesi dan Koherensi Tulisan Makalah Mahasiswa. *Belajar Bahasa*, 6(1), 83-94.
- Sanosi, S. M., & Mahamod, Z. (2021). Keberkesanan Penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW) Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1), 102-110.

- Subramaniam, V., Ignacy, R., Salleh, C.I., & Ismail, M. (2023). *Karangan Jenis Perbincangan Melalui Kaedah UMIBaKaP*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vayyapuri, T. (2021). Penguasaan Bahasa Melayu Murid Tingkatan Lima Dalam Menulis Karangan Respon Terbuka Menggunakan Peta I-Think. *E-Prosiding:Konvensyen Bahasa Melayu* (KONBAYU), 27-29 Julai 2021.
- Yunch, R. M., Aman, R., & Hamid, S. A. (2022). Kesan Pengajaran Sarana Kohesi Dalam Meningkatkan Keupayaan Menulis Berdasarkan Jantina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-8.
- Yusuff, Y. & Awang, M.I., (2012). Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.